

16 APR 1997

Mahathir-MB

MB BARU : DR MAHATHIR DIJANGKA JUMPA SULTAN SELANGOR SELEPAS RAYA HAJI

KUALA LUMPUR, 16 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka menghadap Sultan Selangor selepas Hari Raya Haji berhubung pelantikan Menteri Besar Selangor yang baru ekoran peletakan jawatan Tan Sri Muhammad Haji Muhamad Taib.

Menurut sumber Istana Alam Shah hari ini, tarikh sebenar majlis menghadap itu belum ditetapkan. Hari Raya Haji ialah Jumaat ini.

Sumber itu berkata Sultan Selangor yang menjalani pemeriksaan di Institut Jantung Negara (IJN) di sini sejak Ahad lepas, pagi ini dikunjungi oleh Dr Mahathir.

"Kunjungan pagi tadi tidak formal. Perjumpaan selepas Raya nanti adalah formal," kata pegawai itu.

Sultan Selangor dibenarkan pulang ke Istana diiringi Cik Puan Besar Selangor Siti Aishah pada 11 pagi tadi.

Wakil-wakil media yang cuba mendekati Sultan Selangor sejurus sebelum baginda menaiki keretanya untuk mendapatkan komen mengenai pelantikan Menteri Besar dilarang berbuat demikian oleh pegawai-pegawai Istana.

Pengumuman mengenai peletakan jawatan Muhammad dibuat oleh Dr Mahathir selepas mesyuarat Majlis Tertinggi Umno Sabtu lepas.

Muhammad yang juga seorang daripada Naib Presiden parti itu telah ditahan di lapangan terbang Brisbane, Australia pada 22 Dis lepas kerana tidak mengisytiharkan wang yang nilainya bersamaan RM2.4 juta yang hendak dibawa keluar dari negara itu.

Pada persidangan akhbar Isnin lepas, Muhammad berkata beliau meletak jawatan itu kerana mahu menjaga nama baik parti. Beliau menjadi Menteri Besar Selangor sejak 1986.-- BERNAMA

NHD MAI